

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Melihat permasalahan asas Komsas di sekolah

27. Mar 2008
Berita Harian
Hip
217920
2083000

Language MALAY
Page No B7
Article Size 926 cm2
Frequency Daily
Color Full Color



DEMI MARUAH SASTERA: (Dari kiri) Dr Rosli, Prof Rahman, Dr Fong Peng, Dr Mahzan dan Dr Swee Tin meluahkan pandangan berhubung Komsas.

Melihat permasalahan asas Komsas di sekolah

Kejayaan melahirkan pelajar yang memahami senario sastera tanah air dan berkarya dipersoal

Oleh Nazmi Yaakub

KEBERKESANAN pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu (Komsas) untuk melahirkan pelajar yang memahami serta menghayati sastera di negara ini mendapat perhatian pada Forum Isu Komsas dalam Pendidikan.

Forum anjuran Fakulti Pendidikan itu, mempersoalkan keberkesanannya dengan melihat faktor kekurangan guru Bahasa Melayu dan Sastera di sekolah, selain melahirkan kebingungan apabila ia tidak dapat melahirkan generasi penerus muda secara meyakinkan.

Meskipun, isu pemilihan teks Komsas mengempar dunia sastera tanah air sehingga menyebabkan ada Sasterawan Negara (SN) yang merajuk, forum itu tidak membincangkannya secara mendalam, sebaliknya lebih berfikir menyentuh pada permukaan.

Barangkali khlayak peserta forum yang rata-ratanya pelajar, mengelakkan panel daripada mengheret mereka untuk menyelongkari isu pemilihan teks dan memberi tumpuan pada pengajaran mahupun pembelajaran Komsas di dalam kelas.

Pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi, Universiti Malaysia (UM), Prof Madya Dr Mahzan Arshad, melihat keberkesanan Komsas tidak boleh diukur melalui mekanisme penilaian dan pemerkahan dalam peperiksaan.

"Sebaliknya kejayaannya perlu dilihat daripada perspektif sama ada mereka sekadar mengetahui atau sudah berjaya memahami perkembangan sastera tanah air. Jika mereka hanya mengetahui perkembangan sastera, ia belum cukup berkesan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap sastera," katanya pada majlis yang dipengerusikan Dr Chew Fong Peng, di Fakulti Pendidikan, UM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berpendapat, Komsas sepatutnya menjadikan pelajar dapat memahami, menghayati dan mendokong karya sastera di negara ini selain keberkesanannya akan tercapai jika generasi muda dapat menghayati dan menghargai karya sastera di samping bertindak sebagai barisan pelapis.

"Jika keberkesanan Komsas meletakkan peperiksaan sebagai matlamat akhir, pelajar tidak akan lagi memahami dan menghayati karya sastera selepas mereka menduduki peperiksaan atau menamatkan pengajian di sekolah," katanya.

Dr Mahzan turut melahirkan rasa terkejut dan bimbang apabila beliau diberitahu mengenai kekurangan guru Bahasa Melayu di sekolah sehingga ada sekolah yang terpaksa menggunakan khidmat guru Sains dan Matematik



Dr Lim Swee Tin

untuk mengajar mata pelajaran itu.

Senario guru Sains dan Matematik terpaksa mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu termasuk Komsas didakwa berpunca daripada tindakan Kementerian menumpukan usaha melahirkan guru kedua-dua subjek terbabit.

"Kesan yang kita bimbangkan adalah keupayaan mereka untuk memahami pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu serta Komsas tidak sama dengan subjek Sains mahupun Matematik sehingga mereka mengajar karya sastera berdasarkan logik sains," katanya.

Beliau turut mempersoalkan hasil yang diperolehi daripada generasi muda melalui Komsas apabila membayangkan ia sepatutnya melahirkan bakal penerima Anugerah Sasterawan Negara dan Anugerah Penulis Sea atau sekurang-kurangnya memunculkan penulis muda.

"Saya tidak melihat lahirnya penulis generasi baru secara meyakinkan selepas lima tahun belajar Komsas di sekolah. Jika Komsas hanya berfungsi untuk memberitahu mereka mengenai karya sastera secara permukaan saja, ia boleh diajar dalam mata pelajaran lain," katanya.

Dr Mahzan turut meluahkan kekecewaan berhubung isu jumlah lima buku yang perlu dihabiskan pelajar dalam masa setahun sehingga ada yang mempertikaikan kewajarannya kerana diangap terlalu banyak.

"Di negara maju, isu jumlah lima buku perlu dihabiskan setahun tidak timbul kerana masyarakat di negara berkenaan membaca lima buku dalam masa lima minggu dan bukannya mempertikaikan kewajaran menghabiskannya dalam masa setahun," katanya.

Isu kekurangan guru Bahasa Melayu dan Sastera turut disentuh Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Datuk Dr Rosli Saludin apabila menyifatkan guru terbabit sudah semakin pupus di sekolah.

"Guru Sains dan Matematik yang



Dr Rosli Saludin

diberi tanggungjawab menggantikan guru Bahasa Melayu serta Sastera mengajar komponen itu, menyebabkan cara pengajaran bersifat saintifik kerana mereka kurang pendedahan apalagi maklumat mengenai perkembangan sastera di negara ini," ujarnya.

Dr Rosli turut mengingatkan pihak yang terbabit dalam pemilihan teks Komsas untuk tidak mengambil karya tidak berisi dan nilai kerana tindakan itu boleh memberi kesan kepada generasi muda yang bakal dilahirkan.

Pensyarah Jabatan Pengajian Media UM, Prof Rahman Shaari, pula menyorot isu pemilihan teks yang dianggapnya berkait-rapat dengan 'pemeringkatan', iaitu pemilihan teks yang disesuaikan dengan taraf pemikiran pelajar berdasarkan kedudukan tingkatan mereka.

"Saya kira pemeringkatan bahan belum selesai, tetapi dengan pendeda-

“ Sekiranya keberkesanan Komsas meletakkan peperiksaan sebagai matlamat akhir, pelajar tidak akan lagi memahami dan menghayati karya sastera selepas mereka menduduki peperiksaan atau menamatkan pengajian di sekolah”

Prof Madya Dr Mahzan Arshad
Pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi, Universiti Malaysia



Dr Mahzan Arshad

han media terhadap cubaan mengambil karya popular, menyebabkan ramai mulai sedar. Jika apa yang didedahkan media berlaku, kita mengharapkan mereka kembali kepada pemilihan tepat dan kalau sudah bertaubat, baguslah," katanya.

Prof Rahman tidak menafikan pemilihan teks Komsas yang bermula 2000 sebelum ini, mempunyai kelemahan dan kesilapan pada pemeringkatan bahan seperti puisi *Tosik Biru*, lebih sesuai untuk diajar kepada pelajar lebih tinggi berbanding sedia ada.

"Bagaimanapun, saya tidak menafikan ada karya Sasterawan Negara (SN) yang bermutu tinggi, tetapi masih mudah difahami seperti puisi *Ke Mokam Bonda, Buku, Perpustakaan dan Pemandu Teks*," katanya.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Lim Swee Tin, pula meminta semua pihak untuk mengelakkan diri daripada menjadi terlalu idealis apabila memperkatakan isu pengajaran dan pembelajaran Komsas di sekolah.

"Ini kerana Komsas hanya sebahagian kecil daripada mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar selama dua waktu dalam masa seminggu sehingga kita perlu memahami batas pengajaran serta pembelajaranannya. Jangan terlalu mengharapkan pencapaian luar biasa," katanya.

Beliau mengingatkan khlayak, tujuan Komsas diperkenalkan di sekolah adalah untuk memperkenalkan karya sastera kepada pelajar pelbagai kaum dan etnik di negara ini, selain menggalakkan minat membaca di kalangan generasi baru. "Ia turut membantu dalam kurikulum apabila pelajar lebih memahami aplikasi tatabahasa dan kos kata secara praktikal melalui pengajaran karya sastera di sekolah. Komsas turut membantu menggalakkan pelajar menghasilkan cerpen, novel dan puisi, tetapi jarang dilaksanakan di sekolah," katanya.